



---

**KENYATAAN TENDER**  
**KADA (P) T10/2023**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred G4 di bawah Pengkhususan CE21 yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

**KERJA-KERJA UBAHSUAI DAN NAIK TARAF PAM SALIRAN KD MENJADI PAM PENGAIRAN SERTA KERJA BERKAITAN DALAM KAWASAN KADA JAJAHAN BACHOK KELANTAN.**

2. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran diatas dikehendaki berkumpul di Auditorium, Ibu Pejabat KADA, Jalan Dato' Lundang, Kota Bharu, Kelantan, pada **Jam 9.30 pagi, 13/06/2023 (Selasa)** untuk pendaftaran, Taklimat & Lawatan Tapak. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak. Kontraktor/ Syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain penama yang ada dalam PPK dan SPKK. *Taklimat dan Lawatan Tapak adalah diwajibkan.*
3. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan di Pejabat Bahagian Kejuruteraan Awam, KADA pada waktu pejabat mulai **13/06/2023.**
4. Satu set Dokumen Tender berharga **RM150.00**(Ringgit M'sia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja) yang tidak akan dikembalikan, boleh dibeli di Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat KADA mulai dari **13/16/2023 hingga 15/06/2023.** Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank/Wang Pos atau Wang Tunai. Draf Bank/Wang Pos dibuat di atas nama Pengurus Besar KADA.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang telah menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja. Kontraktor hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan *satu salinan* bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermetri serta ditulis No. Tender KADA(P)T10/2023 kepada Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Peti Surat 127, 15710 Kota Bharu, Kelantan dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Pengurusan, KADA pada atau sebelum **Jam 12.00 tengahari 12/07/2023 (Rabu)**  
Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. KADA tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

**Pengurus Besar**  
**Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu**  
**Kelantan.**

**Bertarikh : 06/06/2023.**